

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 OKTOBER 2013 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	'Local brands a must-have'	The Star
2	Kedidi inspirasi Ab Razak	Metro Ahad

'Local brands a must-have'



Clever invention: (From left) Foo explaining the workings of his team's model to Star Publications (M) Bhd acting group chief executive officer Datuk Seri Wong Chun Wai, MOSTI deputy secretary-general (Science) Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohd Yusoff, Dr Abu Bakar (kneeling) and RHB Banking Group managing director Kellee Kam during the RHB-The Star Mighty Minds National Finals 2013 at Cititel Hotel Midvalley in Kuala Lumpur.

Deputy minister: Malaysia needs to sell own technology to achieve high income status

By JEANNETTE GOON
and REBECCA GRACE RAJAENDRAM
educate@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: No matter how innovative students may be, progress will be limited if Malaysians do not accept these innovations.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said that in order for the country to achieve a high income status by 2020, Malaysia must have "its own brands" and sell "its own technology".

"Our students are very creative. But the problem is how we will accept their innovation and creativity," he said during the RHB-The Star Mighty Minds National Challenge Finals 2013 here yesterday.

Later during an interview, he said all the students who were finalists in the competition had a very broad scope of knowledge.

"These are the students we want for Malaysia," he said, adding that competitions such as Mighty Minds helped to create students who were well-rounded.

Taking place yearly, the competition has gone through the 13 states and Kuala Lumpur.



The finalists are all champions in their respective home states.

Yesterday, SMJK Sam Tet, representing Perak, took top spot in both the lower and upper secondary categories.

Lower secondary champions Tan Ting Wei, Aaron Sim Wei Jun and Foo Yu Cheng said they felt excited about their win.

Their upper secondary schoolmates had an even sweeter victory as one of their prizes is a trip to the BT Young Scientist and Technology Exhibition in Dublin, Ireland, sponsored by Penang Medical College.

Tan Ee Soon, Ryann Sim Wei Jian and Mah Song Wei were "absolutely elated" about the trip.

Mighty Minds is jointly organised by Star Publications (M) Bhd and RHB Banking Group.

For details, contact The Star's Customer Care Unit at 03-7967 1777/1703 or visit www.thestar.com.my/mightyminds.

KERATAN AKHBAR
 METRO AHAD (RENCANA) : MUKA SURAT 48
 TARIKH : 27 OKTOBER 2013 (AHAD)

EMPAT tahun Ab Razak berjuang menstabilkan syarikat.

Kedidi inspirasi Ab Razak

Keupayaan burung itu menjadi inspirasi untuk berdaya saing secara positif



Profil

NAMA: Ab Razak Azhari
JAWATAN: Pengarah Urusan Global Factor Sdn Bhd
TARIKH LAHIR: 15 Oktober 1957
ASAL: Kemaman, Terengganu
ISTERI: Nor'aini Rusmin
ANAK: Adi Asyraf (29), Ili Syazwani (27) dan Ahmad Taajuddin (18)
PENDIDIKAN: Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



KARISMA

Oleh ANIZA ZAINUDIN
 anizazainudin@media-prima.com.my

Burung kecil yang memiliki kaki dan paruh panjang tetapi mampu terbang sejauh 7,000 kilometer untuk berhijrah menjadi metafora kepada syarikat alat tulis Global Factor Sdn Bhd yang ditubuhkan Ab Razak Azhari pada 1995.

Menyedari syarikat ditubuhkan bersaiz kecil tetapi bercita-cita besar, anak kelahiran Kemaman, Terengganu ini mengakui keupayaan burung kedidi menjadi inspirasi kepadanya untuk berdaya saing secara positif.

Menggunakan kedidi sebagai jenama syarikat, Ab Razak mengakui perit getir menempuhi perjalanan memulakan perniagaan berjaya ditubai memandangkan keinginan tinggi bergelar usahawan sejak kecil.

"Sebelum memulakan perniagaan 18 tahun lalu, saya bekerja dalam industri perbankan selama 14 tahun sebaik menamatkan penga-

jian di universiti.

"Peluang membuka syarikat datang apabila saya ditemukan dengan seorang pelanggan yang bertanya sama ada saya minat berniaga kerana wujud ruang jika saya bersetuju.

"Seperti orang mengangkut disorongan bantal, saya terus mengiyakan. Beliau memaklumkan, kerajaan membuka tender kepada syarikat alat tulis berstatus Bumiputera untuk membekalkan barangan alat tulis di setiap kementerian," katanya ketika ditemui.

Optimis dengan pengalaman dan pengetahuan dimilikinya, Ab Razak membuat penyelidikan dan kajian mengenai proses pembuatan alat tulis.

Dengan pengetahuan sifar mengenai alat tulis, dia menebalkan muka mengunjungi Institut Piawalan dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia Berhad (SIRIM) serta beberapa kedutaan asing di Malaysia untuk mendapatkan maklumat, termasuk sumber bahan mentah.

Mengambil masa setahun untuk melengkapkan diri dengan ilmu, pada Julai



LAWATAN rasmi ke kilang Global Factor Sdn Bhd di Kuantan, Pahang.

1995, Ab Razak membuat keputusan drastik meletakkan jawatan sebagai eksekutif bank dan memulakan perniagaan alat tulis bermodalan RM70,000 hasil simpanan peribadi.

"Ramai teman mengatakan saya gila kerana berani mengambil risiko sedemikian. Namun saya ada perancangan sendiri jika idea ini tidak berjaya, iaitu menjadi pemandu teks bagi menampung keluarga.

"Pengalaman bekerja di bahagian kredit dan operasi memberi banyak kesedaran kepada saya mengenai cara menguruskan sumber kewangan syarikat berdasarkan kes pelanggan.

"Jadi, sebelum berhenti kerja, saya terlebih dulu menyelesaikan semua pinjaman, termasuk rumah dan kereta. Langkah ini diambil sebagai persediaan jika perniagaan tidak mampu bertahan, sekali gus mengelak nama saya disenarai hitam oleh bank gara-gara gagal membayar pinjaman," ceritanya.

Bagi tahun pertama, Ab Razak mengukir modal diperuntukkan ban-

SAMBUNGAN...
METRO AHAD (RENCANA) : MUKA SURAT 49
TARIKH : 27 OKTOBER 2013 (AHAD)

yak dibabiskan untuk mendapatkan material dan sewaan kedai di Taman Melawati, Kuala Lumpur hingga memaksanya meminjam modal daripada isteri, Nor'aini Rusmin sebanyak RM50,000.

Untuk mengurangkan kos, dia membuat keputusan menyewa kilang operasi di tingkat dua sebanyak RM700 sebulan. Memerlukan lesen kelulusan dari Jabatan Kilang dan Jentera (kini Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan), kriteria keselamatan perlu dititikberatkan.

Memandangkan kilangnya di tingkat dua, ketiadaan pintu dan tangga kecemasan membuatkan permohonan kali pertama ditolak. Kemudian, dia mengambil inisiatif sendiri bagi menyelesaikan masalah itu.

Menggambarkan kesusahannya dialami sebagai pengalaman menarik, Ab Razak berkata, permulaan operasi syarikat terpaksa dilakukan secara manual, termasuk proses menghasilkan pen menggunakan tangan.

Sebagai langkah penjaminan, meja kerja dibuat sendiri menggunakan papan terpakai sebelum menerima pinjaman daripada SME Bank sebanyak RM150,000.

"Mendapat tender kerajaan pada 1996 hingga 2004, syarikat berjaya dikukuhkan dan langkah penambahbaikan kualiti turut dilakukan dari semasa ke semasa.

"Pada 2004, kerajaan menghentikan pengambilan barangan alat tulis, membuatkan Global Factor dan 13 lagi syarikat alat tulis terkantong-kanting mencari pasaran. Ini kerana kebanyakan syarikat alat tulis bergantung kepada tender kerajaan.

"Pilihan yang tinggal untuk terus 'bernafas' adalah memasuki pasaran terbuka, dan pastinya berdepan saingan hebat daripada syarikat besar di pasaran," katanya yang memasarkan tujuh produk utama, termasuk pen, marker dan fail dengan jenama Kedidi.

Langkah pertama diambil Ab Razak untuk memasuki pasaran terbuka adalah menaikkan kualiti produk dan pembungkusan menarik.

Detik ini menjadi permulaan kepada pasang-surut perniagaan Ab Razak apabila syarikat tidak mampu mendatangkan keuntungan.

Tindakannya menyediakan payung sebelum hujan dengan membeli

banyak hartanah menggunakan keuntungan tender kerajaan menjadi penyelamat kelangsungan Global Factor.

"Meskipun syarikat tidak menerima untung, komitmen membayar pinjaman bank dan gaji pekerja tidak boleh diabaikan.

"Satu-satu cara yang boleh menyelamatkan keadaan adalah menjual semua hartanah sedia ada dan syukur, syarikat tidak pernah gagal membayar pinjaman.

"Apabila semua harta habis dijual, sebagai pengasas syarikat, pengorbanan sangat dituntut. Semua simpanan hari tua saya dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) habis digunakan untuk membayar hutang.

"Empat tahun saya 'berjuang' bagi memastikan kelangsungan Global Factor dan penghargaan buat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang banyak membantu memberi pendedahan dengan membawa saya menyertai pameran di luar negara," katanya yang kini bekerjasama dengan SIRIM menghasilkan produk inovatif.

Memasarkan produk Kedidi di pasar raya gergasi, Ab Razak turut memasang impian untuk mengukuhkan jenama Kedidi di pasaran Malaysia dan mencipta ruang pekerjaan kepada masyarakat.

Tidak mengabaikan tanggungjawab sosial, Global Factor juga memberi sumbangan dalam bentuk material dan wang kepada sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia, malah ingin bekerjasama dengan sekolah aliran agama.



PRODUK menggunakan jenama Kedidi.



MENGUNAKAN teknologi terkini.



Minat berniaga sejak kecil

Aktiviti masa lapang?
 Bermain golf bersama kawan di Kelab Golf Royal Pahang.

Aktiviti bersama keluarga?
 Makan malam bersama.

Makanan kegemaran?
 Ikan kembung sunggang (trebus).

Impian ingin dicapai?
 Sejak kecil, saya berhasrat menjadi ahli perniagaan dan syukur.

ia tercapai.

Pendorong?
 Motivasi diri.

Tokoh?
 Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang berniaga bukan sekadar mendapat keuntungan, bahkan memberi manfaat kepada masyarakat.

Prinsip hidup?
 Bersederhana dengan kemampuan yang ada.



BERSAMA keluarga.